

06 JUL 1999

IAP-MEDIA DIGITAL

TUMPUAN KEPADA PENGELUARAN KANDUNGAN MEDIA DIGITAL DAN E-DAGANG DI IAP

PUTRAJAYA, 6 Julai (Bernama) -- Permasalahan berhubung dengan pentingnya pengeluaran kandungan media digital dan cara-cara menjadi peserta global dalam dunia perdagangan elektronik dijangka ditimbulkan dalam mesyuarat ketiga Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) pada akhir minggu ini.

Ahli panel Bob Bishop, pengerusi Silicon Graphics World Trade Corporation, berkata adalah penting disedari bahawa pengeluaran kandungan media digital adalah lebih penting dan bernilai daripada hanya mempunyai prasarana.

Sebagai contoh, katanya rekabentuk produk yang menggunakan peralatan digital dalam setiap industri tempatan dan mewujudkan filem yang dihasilkan oleh komputer, adalah satu lagi peluang cemerlang.

"Juga, bagaimana menjadi peserta global e-dagang. Ini adalah persoalan penting. Ini merupakan persoalan baru yang perlu ditangani oleh IAP," katanya kepada pemberita selepas melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini hari ini.

Dalam pertemuan beliau dengan Perdana Menteri, beliau berkata perbincangan tertumpu kepada soal membina kemahiran multimedia di Malaysia melalui Universiti Multimedia dan membantu Malaysia menjadi pembekal kandungan digital dari tengah-tengah benua Asia yang sensitif kepada keperluan Asia dan keperluan Malaysia.

Bishop berkata peluang situasi begini berlaku di sini amat besar dan isunya sekarang ialah bagaimana melatih lebih ramai pakar di negara ini.

Mengenai MSC, beliau berkata ia telah mencapai banyak kemajuan dalam 18 bulan yang lalu dan kemajuan ini akan dikaji pada mesyuarat ketiga IAP dari 8 hingga 10 Julai ini.

"Saya percaya ada 228 syarikat bertaraf MSC yang merupakan campuran IKS (industri kecil dan sederhana) dan MTN (syarikat multinasional) yang besar. Ini merupakanimbangan penting kerana kita mahu meraih manfaat daripada pemindahan pengetahuan dan kemahiran daripada IKS dan MTN," tambah beliau.

Katanya IAP mahu mengedarkan keupayaan dan kemahiran ini dalam MSC. --

BERNAMA

SHO KY MA